

Berlari keliling kampus

Oleh Michelle Gun

michellegun@mediapri-

ma.com.my

Serdang

Lebih 10,000 peserta membabitkan penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) dan orang awam mengambil bahagian dalam larian Hari Sarapan Malaysia anjuran Milo di universiti berkenaan, di sini, semalam.

Pertandingan enam kategori untuk lelaki dan wanita itu memerlukan peserta mengelilingi universiti berkenaan sejauh tujuh kilometer, manakala larian santai pula sejauh tiga kilometer.

Juara kategori senior wanita, Susan Khoo, 53, tidak menyangka menamatkan larian itu dalam tempoh 33 minit 3 saat kerana keadaan kampus UPM yang berbukit.

"Saya bersama anak perempuan menyertai kempen ini secara suka-suka kerana meminati sukan

larian," katanya.

Menurut ibu kepada dua anak itu, dia mendapat tahu kempen berkenaan menerusi sebuah laman web larian dan mengajak anaknya, Kim Khoo, 16, yang mendapat tempat kedua dalam kategori junior wanita.

"Saya aktif menyertai acara larian dan kempen ini memanfaatkan masyarakat kerana peserta mengetahui ke-



10,000 ambil bahagian sempena Hari Sarapan Malaysia anjuran Milo di UPM



FOTO: SURIANIE MOHD HANIF

pentingan sarapan sambil mengekalkan kesihatan dengan berlari," katanya.

Sementara itu, tempat kedua kategori senior wanita dimenangi Tan Pei Leng, manakala Wong Ah Yin me-

menangi tempat ketiga.

Semua pemenang membawa pulang beg cenderahati Milo, pingat serta plak.

lam kalangan masyarakat sambil beriadah.

"Kehidupan sehari-hari yang sibuk menyebabkan ramai rakyat Malaysia mengabaikan sarapan bagi mengutamakan komitmen mereka," katanya.

Beliau berkata, kempen itu akan dijadikan acara ta-

hunan Milo dan akan diperluaskan ke seluruh negara bagi mempromosikan amalan sarapan pagi sihat.

Selain acara larian, peserta juga berpeluang menikmati pelbagai juadah sarapan pagi yang disediakan di perkaran universiti berkenaan.